

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

PKPD bersasar berkesan bendung penularan pandemik

Port Dickson: Kementerian Kesihatan (KKM) mendapati Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) secara pentadbiran yang dilaksanakan di beberapa lokasi negara ketika ini, masih proaktif dalam usaha mengekang penularan pandemik COVID-19.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata walaupun berlaku peningkatan kes COVID-19, ia tidak menyeleruh dan membabitkan sesuatu kawasan sahaja.

Setakat ini, katanya, PKPD dilaksanakan di Kota Setar di Kedah, Tawau dan Lahad Datu di Sabah.

"Kita menggunakan kaedah PKPD dan sasarankan mereka yang ada kontak serta berada dalam kawasan berkenaan. Setakat ini, kita berjaya membendung penularan wabak itu daripada merebak lebih besar seperti dilakukan di Amanjaya.

"Dalam kawasan zon merah seperti Kota Setar, misalnya kita dapat menyaring sekitar 15,000 orang dan ini membolehkan kita mengesan kontak, sekali gus membendung penularan wabak berkenaan.

"Kementerian Kesihatan mendapat kerjasama pelbagai agensi terutama pasukan keselamatan yang membuat sekatan jalan raya (SJR) supaya tiada kemasukan atau pergerakan besar-besaran (individu)" katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Majlis Pelancaran Wellness Hub Bagan Pinang, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Pinang, Datuk Tun Hairuddin Abu Bakar; Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KKM, Datuk Mohd Shafiq Abdullah; Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) Datuk Dr Rohaizat Yon dan Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan, Datin Dr Halina Abdul Rashid.

Dr Adham berkata, setakat ini, belum ada keperluan untuk mengadakan sekatan perjalanan di antara negeri, namun kerajaan sentiasa memantau perkembangan COVID-19.

Beliau turut melahirkan keimbangan terhadap peningkatan kes positif COVID-19 dalam kalangan petugas kesihatan.

Katanya, mereka perlu mematuhi SOP ketika menjalankan tugas, termasuk memakai pakaian atau peralatan perlindungan peribadi (PPE).

Penularan COVID-19

Pendatang asing cetus kluster baharu di Kunak

Tahanan warga Filipina sudah dihantar pulang kembali ikut jalan tikus

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan mengesan satu kluster baharu COVID-19 dalam kalangan pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah, dikenali Kluster Laut yang dikesan di Kunak.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kes indeks kluster itu (kes ke-9859) adalah seorang tahanan di Pusat Tahanan Sementara Tawau, Sabah yang sudah dihantar pulang ke negara asalnya di Zamboanga, Filipina pada 27 Ogos lalu.

Namun katanya, pada 5 September lalu individu itu menyusup masuk semula ke Sabah melalui jalan tikus untuk melawat isterinya.

"Isteri (kes indeks) (iaitu kes ke-9860) pula dikesan positif COVID-19 pada 8 September ketika saringan rujukan dari Hospital Kunak ke Hospital Tawau bagi rawatan lanjut komplikasi pendarahan selepas bersalin," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, hasil aktiviti pengesanan kes secara aktif dan saringan kontak rapat, dua lagi kes positif COVID-19 dikesan, iaitu anak dan jiran kes indeks (kes ke-9861 dan kes ke-9862).

Hingga semalam seramai 49 individu sudah disaring dalam kluster itu dan semua saringan membabitkan warga Filipina. Daripada jumlah itu, empat kes dikesan positif, 14 individu negatif dan 31 individu lagi masih menunggu keputusan.

"Langkah pencegahan penularan jangkitan seperti proses

nyah kuman dan pembersihan dijalankan di lokasi yang dikenal pasti. Punca jangkitan masih dalam siasatan," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata hingga jam 12 tengah hari semalam, kes positif COVID-19 kembali turun kepada dua angka, iaitu 58 kes.

Dengan itu, jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 kini sebanyak 9,868 dengan jumlah kes aktif kebolehhajangan sebanyak 551.

Daripada 58 kes baharu, lima adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara membabitkan tiga rakyat Malaysia dan dua bukan warganegara.

"Tiga rakyat tempatan masing-masing di Kuala Lumpur dan Selangor mendapat jangkitan di Pakistan, India dan Indonesia, sementara bukan warganegara membabitkan warga Syria di Selangor, seorang PATI Filipina di Sabah yang juga dari Kluster Laut.

Daripada 53 kes tempatan, 29

adalah warganegara, manakala 24 adalah warga asing.

Daripada jumlah itu 48 kes membabitkan jangkitan di Sabah, iaitu 44 kes dari Kluster Benteng Lahad Datu (LD) dengan 21 kes bukan warganegara, sementara tiga jangkitan baharu dari Kluster Laut yang semuanya bukan warganegara.

Satu lagi adalah kes saringan sebelum pembedahan di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu.

Sebanyak lapan kes pulih direkodkan semalam menjadikan jumlah kumulatif kes pulih di negara ini 9,189 kes atau 93.1 peratus daripada keseluruhan kes.

Terdapat sembilan kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), di mana lima kes memerlukan bantuan pernafasan.

Tiada pertambahan kes kematian semalam. Dengan itu, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia kekal 128 kes atau 1.30 peratus.

Seminggu saring penduduk Kota Setar

Sungai Besar: Ujian saringan ke atas 366,787 penduduk di 28 mukim di daerah Kota Setar, Kedah yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Pentadbiran dijangka mengambil masa kira-kira seminggu, kata Timbalan Menteri Kesihatan I, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali.

Bagaimanapun, katanya, ketupayaan akan diberikan kepada usaha mengesan kontak rapat Kluster Sungai dan Telaga selain melakukan proses nyah cemar di premis yang dikunjungi individu daripada kluster terabit yang positif COVID-19.

"Kita sudah menggerakkan kira-kira 100 petugas kesihatan dari daerah lain yang tidak terabit dengan PKPD untuk membantu mereka (petugas kesihatan) di Kota Setar," katanya selepas merasmikan program Sukarelawan Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) di Dewan Seri Bernam, di sini.

Noor Azmi berkata, pihaknya juga sedang mengatur gerak petugas kesihatan dari negeri lain untuk ke Kedah bagi membantu meringankan tugas petugas kesihatan di sana.

PKPD Pentadbiran di Kota Setar selama 14 hari berkuat kuasa 11 September hingga 25 September depan, membabitkan 28 mukim atau kawasan seluas 422 kilometer persegi, dilaksana-



Noor Azmi merasmikan program Sukarelawan Komuniti Sihat Pembina Negara di Dewan Seri Bernam, Sungai Besar. (Foto BERNAMA)

kan berikutan peningkatan kes COVID-19 daripada Kluster Telaga dan Sungai.

Sementara itu di Alor Setar, Ketua Polis Daerah Kota Setar, Asisten Komisioner Noor Azman Mohd Noor, berkata dua lagi sekatan jalan raya ditambah di kawasan sempadan Alor Setar-Pokok Sena bagi memantapkan proses keluar masuk penduduk ke kawasan Kota Setar.

Dua sekatan dilaksanakan di Jabal membabitkan dua laluan

ialu Alor Setar ke Pokok Sena dan Pokok Sena ke Alor Setar. Sekatan baharu mula dilaksanakan pagi semalam bagi mengelakkan orang ramai keluar ke sempadan daerah lain.

"Ia menjadikan sembilan sekatan jalan raya dilaksanakan untuk PKPD Kota Setar setakat ini," katanya.

Sebelum ini tujuh sekatan dibuat masing-masing satu hadapan Restoran Haji Ramli di Simpang Empat, Jalan Batas Paip di

Kuala Kedah, Tol Alor Setar Utara dan Tol Alor Setar Selatan, hadapan Balai Polis Kepala Batas dan Jalan Hutan Kampung.

Noor Azman berkata, polis juga mungkin menubuhkan Pasukan Petugas Khas bagi mengesan penduduk yang keluar meninggalkan daerah Kota Setar sehari sebelum PKPD Pentadbiran dikuatkuasakan.

Bagaimanapun, buat masa ini polis sedang memantau situasi dan jumlah kes positif wabak COVID-19, sebelum merealisasikan penubuhan pasukan khas berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Dr Mohd Hayati Othman, pula meminta penduduk asal Kota Setar yang keluar dari daerah itu sebelum PKPD Pentadbiran dikuatkuasakan untuk kekal di kawasan mereka berada.

Mohd Hayati berkata, tindakan mereka keluar daerah itu boleh dianggap sebagai tidak menyayangi keluarga dan penduduk di luar Kota Setar berikutan ia mampu meningkatkan risiko penularan wabak COVID-19.

Khamis lalu, ribuan penduduk Kota Setar dilaporkan keluar daerah itu, sebaik Kerajaan Pusat mengumumkan PKPD Pentadbiran dikuatkuasakan hingga 25 September ini.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Lelaki warga Filipina menyusup masuk ke Sabah wujudkan Kluster Laut

Kluster baharu di Kunak

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Seorang lelaki warga Filipina yang menyusup masuk ke Sabah melalui jalan tikus dikesan sebagai kes indeks Covid-19 sekali gus mencetuskan kluster baharu iaitu Kluster Laut di Kunak, Sabah sekali gus menjadikan daerah itu sebagai zon kuning semalam.

Lelaki berusia 27 tahun iaitu kes ke-9,859 adalah tahanan di Pusat Tahanan Sementara (PTS) Tawau yang telah dihantar balik ke Zamboanga, Filipina pada 27 Ogos lepas.

Bagaimanapun, dia bertindak menyusup masuk ke Sabah dari Zamboanga pada 5 September untuk melawat isterinya yang juga warga Filipina berusia 25 tahun.

Kewujudan kluster tersebut turut menyumbang dalam kes jangkitan Covid-19 dengan 58 kes dilaporkan semalam menjadi kan jumlah kes positif sebanyak



NOOR HISHAM

9,868 kes.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 53 kes adalah penularan tempatan, manakala lima adalah kes import termasuk kes indeks Kluster Laut terbabit.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, isteri kes indeks Kluster Laut itu pula dikesan

positif Covid-19 pada 8 September semasa saringan rujukan dari Hospital Kunak ke Hospital Tawau bagi rawatan lanjut komplikasi pendarahan selepas bersalin.

"Wanita itu mula bergejala pada 6 September dan hasil aktiviti pengesanan kes secara aktif serta saringan kontak rapat, dua lagi kes positif telah dikesan.

"Ia membabitkan anak pasangan itu iaitu kanak-kanak perempuan berusia tiga tahun serta jiran mereka, seorang wanita berusia 20 tahun," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, susulan itu, saringan telah dijalankan terhadap 49 individu membabitkan warga Filipina dan daripada jumlah itu, empat kes dikesan positif.

"Langkah pencegahan penularan jangkitan seperti proses nyah kuman dan pembersihan telah dijalankan di lokasi yang dikenal pasti, manakala punca

jangkitan masih di dalam siasatan," katanya.

Sementara itu, Noor Hisham berkata, Kluster Benteng LD di Sabah turut menyumbang kepada pertambahan kes semalam dengan 44 kes baharu menjadikan sebanyak 381 kes positif dikesan dalam kluster tersebut.

Katanya, daripada jumlah kes positif dalam kluster itu, 168 kes dalam kalangan warga Malaysia, manakala 213 kes warga asing melibatkan Filipina (149 kes) dan Indonesia (64 kes).

Dalam pada itu, beliau berkata, kes penularan tempatan juga membabitkan Kluster Sungai dengan lima kes baharu semalam menjadikan 55 kes dikesan positif Covid-19 dalam kluster tersebut.

Katanya, sehingga semalam saringan telah dijalankan terhadap 8,258 individu dengan 709 daripadanya adalah petugas kesihatan.

Katanya, daripada lima kes

Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	58
Import: 5 Tempatan: 53	
• Pulih	8
• Kematian	0
• Masih dirawat	551
• Jumlah kes sembuh	9,189
• Jumlah Kematian	128
Jumlah kes keseluruhan	9,868

baharu yang dilaporkan dalam Kluster Sungai semalam, empat daripadanya kes generasi kedua yang menjangkiti seorang bayi lelaki berusia sembilan bulan, dua kanak-kanak berusia enam dan lapan tahun serta seorang wanita berusia 41 tahun.

"Satu lagi kes Kluster Sungai membabitkan kes generasi ketiga yang menjangkiti seorang budak lelaki sembilan tahun," katanya.

Empat lagi kes import mendapat jangkitan dari Pakistan, India, Indonesia dan Syria.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEGARA

Orang ramai di PKPD Kota Setar diminta beri kerjasama

Seminggu saring penduduk

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SABAK BERNAM – Ujian saringan Covid-19 terhadap 366,787 penduduk di kawasan Kota Setar yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran mulai kelmarin dijangka akan mengambil masa kira-kira tujuh hari.

Timbalan Menteri Kesihatan 1, Datuk Dr. Noor Azmi Ghazali berkata, kementerian kini sedang mengesan kontak rapat bagi Kluster Telaga dan Sungai serta melakukan proses nyahcemar di premis yang dikenal pasti dikunjungi individu yang positif daripada kluster tersebut.

"Kita telah mengerahkan kira-kira 100 petugas kesihatan daripada daerah lain di Kedah yang tidak terlibat dengan PKPD untuk ke Kota Setar bagi petugas kesihatan di situ.

"Justeru, semua penduduk yang terlibat diharap memberi kerjasama dan hadir ke klinik kesihatan berhampiran untuk menjalani ujian berkenaan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Program Komuniti Sihat Pembina Negara (Kospen) Selangor di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas perkembangan PKPD di Kota Setar yang



NOOR AZMI merasmikan Program Komuniti Sihat Pembina Negara (Kospen) Selangor di Sabak Bernam, semalam.

bermula semalam.

Pada Jumaat lalu, daerah Kota Setar di Kedah diletakkan di bawah PKPD susulan peningkatan kes positif Covid-19 Kluster Sungai dan Telaga.

Pelaksanaan PKPD yang

berkuat kuasa mulai 12.01 tengah malam kelmarin sehingga 25 September depan merangkumi 28 mukim di daerah tersebut.

Semua individu termasuk yang ingin keluar masuk untuk bekerja juga tidak dibenarkan di

kawasan PKPD berkenaan.

Mengulas mengenai program Kospen, Noor Azmi menegaskan pihaknya akan menilai dalam menambah baik latihan agar dapat meningkatkan kemahiran sukarelawan Kospen ini.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : DALAM NEGERI

Kluster Laut pula melanda Sabah

Oleh **HASIF IDRIS**
 utusannews@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan mengenal pasti satu kluster baharu dikenali sebagai Kluster Laut, berpunca daripada pendatang asing tanpa izin (PATI) di Kunak, Sabah.

Kes indeks kluster ke-9,859 positif Covid-19 membabitkan seorang tahanan di Pusat Tahanan Sementara (PTS) Tawau yang dihantar pulang ke negara asal di Zamboanga, Filipina pada 27 Ogos lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, pada 5 September lalu individu itu menyusup masuk ke Sabah dari Zamboanga melalui jalan tikus untuk melawat isterinya.

Katanya, isteri individu tersebut (kes ke-9,860) pula dikesan positif Covid-19 pada 8 September semasa melakukan saringan rujukan dari Hospital Kunak ke



“Sehingga kini, sejumlah 49 individu disaring dalam kluster ini yang melibatkan warganegara Filipina. Daripada jumlah tersebut, empat kes dikesan positif Covid-19, 14 individu negatif dan 31 individu masih menunggu keputusan.”

DR. NOOR HISHAM ABDULLAH

Hospital Tawau bagi rawatan lanjut komplikasi pendarahan selepas bersalin.

“Dia didapati mula bergejala pada 6 September lalu dan hasil aktiviti pengesanan kes secara aktif serta saringan kontak rapat, dua lagi kes positif Covid-19

telah dikesan iaitu anak dan jiran kes indeks (kes ke-9,861 dan kes ke-9,862).

“Sehingga kini, sejumlah 49 individu disaring dalam kluster ini yang melibatkan warganegara Filipina. Daripada jumlah tersebut, empat kes dikesan

positif Covid-19, 14 individu negatif dan 31 individu masih menunggu keputusan,” katanya dalam laporan perkembangan terkini Covid-19 di sini semalam.

Mengenai kes baharu positif Covid-19, beliau memaklumkan sebanyak 58 kes direkodkan

menyebabkan angka jangkitan meningkat kepada 9,868 kes dengan jumlah kes aktif kebolehhajatan adalah 551 kes.

“Lima kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara melibatkan tiga rakyat tempatan dan dua bukan warganegara. Lima kes import tersebut adalah dari Pakistan, India, Indonesia, Syria dan Filipina dengan masing-masing merekodkan satu kes.

“Daripada 53 kes penularan dalam negara, 29 kes adalah rakyat tempatan manakala 24 kes bukan warganegara.

“Di Sabah, 48 kes yang berlaku melibatkan 24 kes adalah bukan warganegara, 44 kes daripada Kluster Benteng Lahad Datu dengan 21 adalah bukan warganegara, tiga kes daripada Kluster Laut yang melibatkan semua bukan warganegara. Di Kedah pula, lima kes berpunca daripada Kluster Sungai,” katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : DALAM NEGERI

Kluster Laut pula melanda Sabah

Oleh HASIF IDRIS
utusannews@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan mengenal pasti satu kluster baharu dikenali sebagai Kluster Laut, berpunca daripada pendatang asing tanpa izin (PATI) di Kunak, Sabah.

Kes indeks kluster ke-9,859 positif Covid-19 membabitkan seorang tahanan di Pusat Tahanan Sementara (PTS) Tawau yang dihantar pulang ke negara asal di Zamboanga, Filipina pada 27 Ogos lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, pada 5 September lalu individu itu menyusup masuk ke Sabah dari Zamboanga melalui jalan tikus untuk melawat isterinya.

Katanya, isteri individu tersebut (kes ke-9,860) pula dikesan positif Covid-19 pada 8 September semasa melakukan saringan rujukan dari Hospital Kunak ke



Sehingga kini, sejumlah 49 individu disaring dalam kluster ini yang melibatkan warganegara Filipina. Daripada jumlah tersebut, empat kes dikesan positif Covid-19, 14 individu negatif dan 31 individu masih menunggu keputusan.”

DR. NOOR HISHAM ABDULLAH

Hospital Tawau bagi rawatan lanjut komplikasi pendarahan selepas bersalin.

“Dia didapati mula bergejala pada 6 September lalu dan hasil aktiviti pengesanan kes secara aktif serta saringan kontak rapat, dua lagi kes positif Covid-19

telah dikesan iaitu anak dan jiran kes indeks (kes ke-9,861 dan kes ke-9,862).

“Sehingga kini, sejumlah 49 individu disaring dalam kluster ini yang melibatkan warganegara Filipina. Daripada jumlah tersebut, empat kes dikesan

positif Covid-19, 14 individu negatif dan 31 individu masih menunggu keputusan,” katanya dalam laporan perkembangan terkini Covid-19 di sini semalam.

Mengenai kes baharu positif Covid-19, beliau memaklumkan sebanyak 58 kes direkodkan

menyebabkan angka jangkitan meningkat kepada 9,868 kes dengan jumlah kes aktif kebolehhajatan adalah 551 kes.

“Lima kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara melibatkan tiga rakyat tempatan dan dua bukan warganegara. Lima kes import tersebut adalah dari Pakistan, India, Indonesia, Syria dan Filipina dengan masing-masing merekodkan satu kes.

“Daripada 53 kes penularan dalam negara, 29 kes adalah rakyat tempatan manakala 24 kes bukan warganegara.

“Di Sabah, 48 kes yang berlaku melibatkan 24 kes adalah bukan warganegara, 44 kes daripada Kluster Benteng Lahad Datu dengan 21 adalah bukan warganegara, tiga kes daripada Kluster Laut yang melibatkan semua bukan warganegara. Di Kedah pula, lima kes berpunca daripada Kluster Sungai,” katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : DALAM NEGERI

100 petugas kesihatan dikerah ke Kota Setar

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL
utusannews@mediamula.com.my

SABAK BERNAM: Kementerian Kesihatan mengerahkan 100 petugas kesihatan dari daerah lain di Kedah untuk membantu proses saringan Covid-19 ke atas 366,787 penduduk di Kota Setar.

Timbalan Menteri Kesihatan 1, Datuk Dr. Noor Azmi Ghazali berkata, petugas-petugas kesihatan dari negeri-negeri lain juga akan digerakkan ke Kedah bagi membantu mempercepatkan proses saringan tersebut.

"Bagi saringan di kawasan Kota Setar, kita memerlukan tempoh kira-kira seminggu untuk melakukan ujian tersebut. Dalam masa sama, kita juga giat mengesan kontak rapat bagi Kluster Telaga dan Sungai di kawasan Kota Setar," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri program Komuniti Sihat Pembina Negara (Kospen) Selangor yang turut dihadiri, Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr. Shaari Ngadiman di sini semalam.

Noor Azmi berharap semua penduduk memberi kerjasama dan hadir ke klinik kesihatan berhampiran untuk menjalani ujian berkenaan.

"Kerja-kerja nyahcemar di premis-premis yang telah dikenal pasti dikunjungi individu



NOOR Azmi Ghazali (dua dari kanan) melawat salah sebuah gerai pameran yang mengambil bahagian dalam program Komuniti Sihat Pembina Negara di Sabak Bernam, Selangor, semalam.

positif Covid-19 juga sedang giat dijalankan," ujarnya.

Sehingga kelmarin, lebih

11,000 penduduk di 28 mukim daerah Kota Setar telah menjalani saringan Covid-19.

Kos saringan bagi setiap individu dianggarkan antara RM70 dan RM100.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS/NATION

Ministry to study need to quarantine returnees from Sabah

PORT DICKSON: The Health Ministry will study if there is a need to impose mandatory quarantine on people from the peninsula who went to Sabah for the state election, upon their return.

Its minister, Datuk Seri Dr Adham Baba, said the matter would be discussed at a Special Ministerial Meeting.

"We will conduct a study on the risks involved and it will be discussed at the Special Ministerial Meeting on Covid-19 and also with the National Security Council," he said after officiating at the Bagan Pinang Wellness Hub here yesterday.

He said this when asked whether the ministry would impose a mandatory quarantine order on those from the peninsula who are involved in the Sabah election upon their return from the state, following the increase in new cases in Sabah.

On Friday, the Health Ministry

reported a surge in new positive cases with 182, involving 181 local infections and one imported case.

The infections in Sabah, involving the Benteng Lahad Datu Cluster, numbered 250 cases, with 167 new cases recorded on Friday.

On the Sabah election, Dr Adham said the ministry would use the Covid-19 guidelines that were applied during the Chini by-election in Pahang and the Slim by-election in Perak.

The Election Commission has set Sept 26 as polling day for the Sabah election, with early voting on Sept 22.

Yesterday was the nomination day.

When asked whether the Covid-19 situation warranted imposing a ban on inter-state

travel, he said there was no need for that at the moment with the implementation of the Enhanced Movement Control Order in some areas to curb the spread of the virus. **Bernama**



“We will conduct a study on the risks involved and it will be discussed at the Special Ministerial Meeting on Covid-19 and also with the National Security Council.”

DATUK SERI DR ADHAM BABA
Health minister

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NATION

Covid-19: Current situation globally

(As at 7pm Sept 11, 2020)

	Malaysia											
	New cases			Total cases			Total deaths			Total recovered		
	58 9,868 128 9,189											
Asean+	Philippines	Indonesia	China	Japan	Singapore	S. Korea	Thailand	Myanmar	Vietnam	Cambodia	Brunei	Laos
Confirmed cases	257,863	214,746	85,174	73,901	57,357	22,055	3,466	2,445	1,060	274	145	23
Deaths	4,292	8,650	4,634	1,412	27	355	58	14	35	0	3	0
Recovered	187,116	152,458	80,386	69,590	56,607	18,029	3,312	625	902	274	139	21
Global Top 10	US	India	Brazil	Russia	Peru	Colombia	Mexico	South Africa	Spain	Argentina		
Confirmed cases	6,637,336	4,663,930	4,283,978	1,057,362	716,670	702,088	658,299	646,398	576,637	535,705		
Deaths	197,435	77,537	130,474	18,484	30,470	22,518	70,183	15,378	29,747	11,148		
Recovered	3,918,492	3,624,375	3,530,655	873,535	552,214	582,694	463,764	574,587	N/A	400,121		

Health DG: New Sabah cluster found

Illegal migrants involved with virus spread in Kunak

PETALING JAYA: A new cluster has emerged in Sabah involving illegal foreigners in Kunak, says Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Named the Laut cluster, he said four infections were detected among the migrants.

It started with a man who was deported to Zamboanga, the Philippines, on Aug 27 but then returned to Sabah via *jalan tikus* (illicit shortcuts) on Sept 5 to visit his wife.

On Sept 8, his wife was found to be positive during a screening that was conducted after she was referred from Hospital Kunak to Hospital Tawau for further treat-

ment as she suffered bleeding complications after giving birth.

Subsequent active case detection found that the man's child and neighbour were also infected.

So far, 49 Philippine nationals linked to this cluster had been screened, with 14 testing negative and 31 still awaiting results.

In a statement yesterday, Dr Noor Hisham also provided an update on the Benteng Lahad Datu cluster, which saw a massive new 167 cases on Friday.

The cluster, which started after the arrest of two illegal migrants, saw 44 new infections yesterday.

As of yesterday, a total of 4,089

people linked to Benteng Lahad Datu had been screened, including detainees, staff, family members, other government agency staff and casual contacts.

Out of this number, 1,164 were confirmed negative while 2,544 are awaiting their results.

Overall, Dr Noor Hisham said Malaysia recorded 58 new cases yesterday, five of which were imported.

The total number of infections in Malaysia now stands at 9,868, with 9,189 having recovered.

"There were nine cases as of yesterday in the intensive care unit with five needing ventilators," said Dr Noor Hisham.



Giving assurance: District health department officials explaining quarantine and observation rules to parents during a check at Sekolah Menengah Sultanah Asma in Alor Setar, Kedah. All students and teachers were tested for Covid-19 over the past two days in order to contain the Sungai and Telaga clusters. Movement restriction order rules were tightened in the Kota Setar district from Sept 11 till Sept 25. — Bernama